

## Pemaju pertama bina projek R3-2

**SYARIKAT** Kwasa Land dan Impiana Land & Development menandatangani satu perjanjian pelan kerjasama strategik bagi pembangunan projek perumahan di Kwasa Damansara yang dikenali sebagai R3-2.

Pengarah Urusan Kwasa Land Datuk Mohd Lotfy Mohd Noh berkata, kerjasama tersebut bakal dikendalikan sepenuhnya pemaju Bumiputera pertama di atas tanah seluas 8.79 ekar.

"Projek pembangunan enam tahun ini dijangka akan menjana Nilai Pembangunan Kasar sebanyak RM400 juta, setelah meng-

ambil kira kadar diskaun tujuh peratus untuk pembeli Bumiputera.

"Pembangunan yang berkonsepkan taman bandar ini terdiri daripada 80 peratus struktur dan kandungan diperuntukkan kepada landskap kehijauan dan mesra alam bagi menggalakkan gaya hidup sihat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pembangunan di atas tanah berstatus pegangan bebas ini terdiri daripada 396 unit kondominium, 20 unit 'park homes' dan 20 unit penthouse dengan harga bermula dari RM650,000 seunit.